



Kenyataan Media

PENGOPERASIAN MENARA KOMUNIKASI PERKUKUH OPERASI DI ICQS LUBOK ANTU

LUBOK ANTU, 20 November 2025 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) baru-baru ini telah melaksanakan tinjauan tapak bagi pengoperasian menara komunikasi baharu di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Lubok Antu, Sarawak.

Menara yang menggunakan konsep perkongsian infrastruktur rangkaian (Multi-Operator Core Network, MOCN) ini direalisasikan melalui kerjasama strategik antara MCMC, Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC) dengan penyedia rangkaian mudah alih utama negara iaitu CelcomDigi, Maxis, U Mobile, Unifi Mobile dan YES.

Dibangunkan dalam tempoh kurang tiga (3) bulan bermula Ogos 2025 dan siap sepenuhnya pada 5 November 2025, projek ini mencerminkan komitmen tinggi serta penyelarasan berkesan antara agensi Kerajaan Negeri Sarawak dan agensi Kerajaan Persekutuan bersama pemain industri komunikasi, sekali gus menyediakan liputan 4G yang lebih meluas dan stabil di kawasan sekitar ICQS Lubok Antu.

Peningkatan liputan ini akan memudahkan urusan pelancongan dan memperkukuh kecekapan operasi pentadbiran di ICQS serta koordinasi rentas sempadan dengan pihak berkuasa Indonesia dalam mengurus sebarang situasi kecemasan yang melibatkan rakyat kedua-dua negara.

Kejayaan inisiatif ini mencerminkan komitmen MCMC bersama Kerajaan Negeri Sarawak dan pemain industri dalam memperluas akses komunikasi mudah alih berkualiti serta memperkukuh keselamatan dan kesejahteraan rakyat di kawasan sempadan negara.

LAMPIRAN GAMBAR



Ujian kelajuan rangkaian di Kompleks ICQS Lubok Antu bersama wakil daripada Jabatan Imigresen dan pemain industri.



Pemeriksaan di tapak menara komunikasi ICQS Lubok Antu bersama wakil daripada Jabatan Imigresen ICQS Lubok Antu dan pemain industri.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

